

UMP wajibkan ambil subjek kemahiran

Berita (Rabu, 28/3/07) PG: C6 Ruang Timur.

KUANTAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjadi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pertama di negara ini menjadikan program persediaan pelajarannya memasuki sektor pekerjaan, sebagai satu mata pelajaran khas yang wajib diambil semua pelajarannya.

Subjek Kemahiran Insaniah Industri (KII) yang perlu diambil bermula tahun satu dan wajib lulus itu mula diperkenalkan di UMP pada 2000 dan banyak memberi manfaat kepada pelajarannya berhubung dunia pekerjaan sebenar, Naib Canselor UMP, Datuk Prof Dr

Mohamed Said Mat Lela, berkata pelaksanaan subjek berkenaan dapat melengkapkan diri pelajar universiti itu dengan kemahiran akademik dan etika kerja.

"Menerusi subjek khas itu, semua pelajar didedahkan dengan keadaan sebenar dunia pekerjaan dan bagaimana mereka perlu berinteraksi dengan pegawai atasan dalam sektor industri.

"Bagi memantapkan lagi pengajaran subjek yang mewajibkan semua pelajar lulus, kita juga mendapat kerjasama sektor industri yang menghantar pegawai tinggi mereka memberi kuliah di sini.

"Cara ini memberi pendedahan

sebenar kepada pelajar kita berhubung cabaran yang perlu dilalui ketika di alam pekerjaan sebenar, supaya mereka dapat membuat persediaan mental dan fizikal lebih awal," katanya selepas melancarkan Kit Kemahiran Profesional Graduan UMP, di Dewan Kuliah Utama 1, dekat sini petang kelmarin.

Program berkenaan anjuran Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemahiran dengan kerjasama Pusat Perkhidmatan Akademik UMP.

Dr Mohamaed Said berkata, sebelum ini pelajar UMP menjadikan modul dihasilkan pensyarah sebagai bahan rujukan utama bagi subjek berkenaan, tetapi inisiatif sudah dilakukan untuk menghasilkan buku lengkap bagi kemudahan pelajar.

Beliau berkata, buku setebal 57 muka surat itu juga bakal dipasarkan kepada umum bagi memberi peluang orang ramai berkongsi ilmu pengetahuan berhubung etika di tempat kerja.

"Kita akui, ada pelajar yang cemerlang dalam akademik, tetapi tidak tahu menyesuaikan diri ketika bekerja, malah gagal ketika sesi temu duga kerana tidak tahu berkomunikasi.

"Kelemahan ini dapat diatasi menerusi pembelajaran dalam subjek berkenaan kerana kita dedahkan mereka dengan kemahiran lain termasuk apa yang diperlukan dalam dunia pekerjaan sebenar dan bagaimana etika berhubung dengan orang ramai termasuk pegawai atasan," katanya.



AZMAIDI ABIDIN | BERITA HARIAN

MENELITI: Lima pelajar UMP melihat buku Kit Kemahiran Profesional Graduan UMP selepas majlis pelancaran, kelmarin.